

Pengetahuan agama

Mahathir

Mn.Mt - 2 SEP 1990

fitnah

KLANG 1 Sept. - Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini membidas sikap golongan tertentu yang tidak menggunakan pengetahuan agama mereka yang tinggi untuk penyatuan rakyat sebaliknya gemar membuat tohmahan dan menabur fitnah yang tidak berasas.

Perdana Menteri berkata, walaupun golongan ini mengetahui bahawa fitnah jauh lebih buruk daripada membunuh tetapi mereka yang mempunyai asas pengetahuan agama Islam yang tinggi ini seolah-olah menolaknya ke tepi.

"Oleh itu nilai-nilai baik yang menolak sikap tersebut perlulah dididik di peringkat sekolah, jika tidak ada nilai hidup yang baik ini, maka akan berlakulah permusuhan seperti yang berlaku di Timur Tengah.

"Sekarang orang-orang Islam amat malu atas kejadian di Timur Tengah itu, walaupun Islam menyuruh umatnya bersaudara tetapi mereka tidak melaksanakan dan sebaliknya berperang sesama Islam," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian semasa merasmikan bangunan baru Sekolah Kebangsaan Sungai Udang, di sini sebagai sebahagian daripada lawatannya ke Negeri Selangor hari ini.

Turut serta dalam majlis tersebut ialah isterinya Dato' Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah, Menteri Besar, Tan Sri Muhammad Haji Mohd. Taib, menteri-menteri kabinet serta anggota-anggota Exco dan anggota Majlis Kerajaan Negeri Selangor.

Sebelum itu, ketibaan Perdana Menteri dan rombongannya yang menaiki sebuah bas khas diberi sambutan meriah dengan persembahan silat dan tarian tradisional oleh murid-murid sekolah itu.

Dato' Sri Dr. Mahathir juga dianugerahkan dengan sehelai selempang berwarna merah yang bertulis *Wira Dunia Ketiga* oleh sekolah tersebut.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, pendidikan di sekolah merupakan tempoh untuk belajar mementingkan nilai-nilai hidup secara Islam.

"Begitu juga dengan yang bukan Islam, pelajaran moral diajar supaya murid-murid memiliki nilai-nilai yang mulia dan dapat membentuk peribadi yang mulia," katanya.

Dalam ucapannya itu, beliau memuji kumpulan *percussion* yang dianggotai oleh murid-murid sekolah itu yang menyanyikan lagu *Lambada* yang dianggapnya sebagai 'manis didengar dan manis dilihat' walaupun lagu itu dikaitkan dengan keghairahan seks.

Katanya, semuanya bergantung kepada tafsiran dan niat masing-masing, jika ia ditafsir dan diniatkan secara elok maka eloklah ia, begitu juga sebaliknya.

"Jika ini diikuti dan rakyatnya mempunyai pembentukan peribadi yang mulia, sudah tentu Malaysia akan tetap dihormati oleh seluruh dunia," jelas beliau.

Beliau juga berkata, rakyat seharusnya bergembira kerana perasmian sekolah-sekolah baru dan institusi pengajian tinggi begitu kerap diadakan di negara ini.

"Perkembangan ini berlaku kerana negara kita adalah negara membangun yang telah mencapai kemajuan pesat

yang tinggi tidak diguna untuk satukan rakyat
selar golongan sebar

dan mampu mengadakan sekolah dan institusi pelajaran yang lengkap dan guru - guru yang terlatih," jelasnya.

Katanya, kerajaan sedar bahawa dengan pengetahuan yang dimiliki oleh rakyat, negara boleh membangun dengan pesat.

"Kita harus syukur dengan keadaan ini, bukan semua negara mampu menyediakan kemudahan pelajar seperti

yang ada di negara ini.

Menurut Dato' Sri Dr. Mahathir, kerajaan melakukan semua ini kerana memikirkan bahawa pelajar adalah pelaburan yang boleh memberikan pulangan yang lumayan kepada negara.

Selepas majlis itu, Dato' Sri Dr. Mahathir dan rombongannya bertolak ke Istana Mahkota di Jalan Kota Raja, di sini untuk menyertai Sultan Selangor dalam majlis santapan tengah hari.

Petang ini, Perdana Menteri akan mengadakan taklimat tertutup dengan Barisan Nasional (BN) Selangor sebelum berangkat ke Perhimpunan Bersama Rakyat di Kapar di sini.